

**FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG PENGLIBATAN PELAJAR
PENDIDIKAN JARAK JAUH DALAM PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

SIM PEI WAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG PENGLIBATAN PELAJAR
PENDIDIKAN JARAK JAUH DALAM PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

oleh

SIM PEI WAH

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

JULAI 2013

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Hanafi Atan selaku penyelia utama saya yang telah memberi bimbingan, galakan dan nasihat yang membina dari mula saya menjalankan kajian sehinggalah selesai penulisan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih juga kepada pihak PPPJJ USM kerana telah menganjur kolokium yang telah memberikan pendedahan kepada saya dari aspek analisis statistik dapatan kajian dan keadah penulisan tesis.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pelajar PPPJJ, USM yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sebagai sampel kajian untuk penyelidikan yang dilaporkan di dalam tesis ini.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada keluarga saya khasnya isteri saya Tang Siew Kean kerana telah memberikan sokongan, kasih sayang, semangat dan kekuatan kepada saya untuk mencapai cita-cita saya.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang	1
1.1 Pendidikan Jarak Jauh	3
1.1.1 Pendidikan Jarak Jauh di Malaysia	7
1.1.2 Pendidikan Jarak Jauh di Universiti Sains Malaysia	8
1.1.3 Pembelajaran Atas Talian	10
1.1.4 Pembelajaran Atas Talian di PPPJJ, USM	14
1.1.5 Halangan-Halangan Terhadap Pembelajaran Atas Talian	18
1.2 Pernyataan Masalah	19
1.3 Objektif Kajian	20
1.4 Persoalan Kajian	21
1.5 Kepentingan Kajian	22
1.6 Kerangka Teori	24
1.7 Kerangka Kajian	25
1.8 Batasan Kajian	27
1.9 Definisi Operasi	28

1.10	Kesimpulan	34
------	------------	----

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Definisi Halangan	36
2.3	Halangan Terhadap Penglibatan Pembelajaran Pelajar Dalam Pembelajaran Atas Talian	38
2.3.1	Halangan Masa	38
2.3.2	Halangan Interaksi Sosial	39
2.3.3	Halangan Teknikal	40
2.3.4	Halangan Motivasi	41
2.3.5	Halangan Infrastruktur	42
2.3.6	Halangan Kemahiran Pra-syarat	43
2.4	Demografi Pelajar Terhadap Penggunaan Pembelajaran Atas Talian	44
2.4.1	Umur	44
2.4.2	Jantina	44
2.4.3	Kepunyaan Komputer Yang Mempunyai Akses Internet	45
2.4.4	Kursus Perisian Komputer	46
2.4.5	Pengalaman Menggunakan Internet	46
2.5	Kesimpulan	47

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Populasi Kajian	50

3.4	Persampelan	50
3.5	Teknik Pengumpulan Data	53
3.6	Instrumen Kajian	53
3.7	Kesahan Soal Selidik	57
3.8	Kebolehpercayaan	58
3.9	Analisis Data	60
	3.9.1 Analisis Diskriptif	61
	3.9.2 Analisis Ujian-t Sampel Tak Bersandar	61
	3.9.3 Analisi Faktor	61
	3.9.4 Analisis ANOVA Satu Hala	63
3.10	Andaian-Andaian kajian	64
3.11	Kesimpulan	64

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	65
4.2	Ciri-Ciri Demografi Responden Kajian	66
4.3	Persepsi Pelajar	71
4.4	Rumusan Mengenai Ciri-Ciri Responden	76
4.5	Analisis Faktor	81
4.6	Faktor-Faktor Utama Yang Mempengaruhi Pembelajaran Atas Talian	86
4.7	Faktor Halangan Dengan Dimensi-Dimensi Demografi	86
	4.7.1a Perbandingan antara Dimensi-Dimensi Demografi Untuk Halangan Masa	87
	4.7.1b Perbezaan Signifikan Antara Kumpulan Etnik Untuk Halangan Masa	88

4.7.2a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Sosial	89
4.7.2b	Perbezaan Signifikan Antara Kumpulan Etnik Untuk Halangan Sosial	89
4.7.3a	Perbandingan Dimensi Demografi untuk Halangan Teknikal.	90
4.7.3b	Perbezaan Signifikan Kumpulan Umur Untuk Halangan Teknikal	91
4.7.3c	Perbezaan Signifikan antara Bidang Pekerjaan untuk Halangan Teknikal	92
4.7.3d	Perbezaan Signifikan Antara Bidang Pengajian untuk Halangan Teknikal	93
4.7.4a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Motivasi	94
4.7.4b	Perbezaan Signifikan Antara Kumpulan Etnik Untuk Halangan Motivasi	95
4.7.5	Perbandingan antara Dimensi Demografi Untuk Halangan Infrastruktur	96
4.7.6a	Perbandingan antara Dimensi Demografi Untuk Halangan Kemahiran Pra Syarat	97
4.7.6b	Perbezaan Signifikan Antara Kumpulan Umur Untuk Halangan Kemahiran Pra Syarat.	97
4.8	Kesimpulan	99

BAB 5 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	100
5.2	Rumusan dan Perbincangan	101
5.3	Implikasi	117
5.4	Rumusan	119
5.5	Cadangan	120
5.6	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	121

5.7	Penutup	122
RUJUKAN		124
LAMPIRAN		
Lampiran A –	Bahagian A: Demografi	138
Lampiran B –	Bahagian B: Persepsi Pelajar	140
Lampiran C –	Bahagian C: Borang Soal Selidik	142
Lampiran D –	Terjemahan Bahagian B: Persepsi Pelajar	145
Lampiran E –	Terjemahan Bahagian C: Borang Soal Selidik	147
Lampiran F -	Normal QQ-Plot	154

SENARAI JADUAL

No	Tajuk	Muka Surat
1.1	Perubahan Status PPPJJ USM	8
1.2	<i>Functionalities</i> dan Aktiviti Moodles LMS	16
3.1	Pemilihan Sampel Kajian	52
3.2	Pembahagian Item Berdasarkan Keenam-enam Aspek	56
3.3	Nilai Korelasi dan Interpretasi daripada Rowntree (1981)	59
3.4	Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i> Setiap Pembolehubah Bagi Ujian Rintis (<i>Pilot Test</i>) Soal Selidik Bahagian C.	60
3.5	Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i> Setiap Dimensi Bagi Rawatan (Treatment) Soal Selidik Bahagian C.	60
4.1	Umur	66
4.2	Jantina	66
4.3	Jantina dan Bidang Pengajian	67
4.4	Jumlah Pelajar Mengikut Kumpulan Etnik	67
4.5	Umur, Jantina dan Pekerjaan	69
4.6	Pemilikan komputer Peribadi dan Ke kerap an Mengakses Internet	69
4.7	Akses Internet dan Penggunaan Komputer di Pejabat	69
4.8	Ke kerap an Mengakses Internet dalam seminggu	70
4.9	Tempat Mengakses Internet	70
4.10	Keselesaian Dan Keyakinan Dalam Pembelajaran Atas Talian	71
4.11	Keberkesanan Penggunaan Pembelajaran Atas Talian	72
4.12	Keseronokan Dalam Pembelajaran Atas Talian	73
4.13	Bilangan Kursus Telah Tamat Diikuti	74
4.14	Bilangan Kursus Yang Pernah Digugurkan	74
4.15	Analisis Deskriptif Terhadap Teknikal	76
4.16	Analisis Deskriptif Terhadap Infrastruktur	77
4.17	Analisis Deskriptif Terhadap Interaksi Sosial	78
4.18	Analisis Deskriptif Terhadap Kemahiran Prasyarat	79
4.19	Analisis Deskriptif Terhadap Motivasi	79
4.20	Analisis Deskriptif Terhadap Gangguan Masa	80
4.21	Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) and Bartlett's Test	82

4.22	Jumlah Peratusan Varians	82
4.23	Matriks Komponen Rotasi (Rotated Component Matrix)(a)	83
4.24	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Atas Talian	86
4.25a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Masa	87
4.25b(i)	Min kumpulan Etnik Untuk Halangan Masa	88
4.25b(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara kumpulan Etnik untuk Halangan Masa	88
4.26a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Sosial	89
4.26b(i)	Min kumpulan Etnik Untuk Halangan Sosial	90
4.26b(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara kumpulan Etnik Untuk Halangan Sosial	90
4.27a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Teknikal	91
4.27b(i)	Min Kumpulan umur Untuk Halangan Teknikal	91
4.27b(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara kumpulan umur untuk Halangan Teknikal	92
4.27c(i)	Min Jenis Pekerjaan untuk Halangan Teknikal	93
4.27c(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara bidang Pekerjaan untuk Halangan Teknikal	93
4.27d(i)	Min Bidang Pengajian Untuk Halangan Teknikal	94
4.27d(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara Bidang Pengajian untuk Halangan Teknikal	94
4.28a	Perbandingan Dimensi Demografi Untuk Halangan Motivasi	95
4.28b(i)	Min Kumpulan Etnik Untuk Halangan Motivasi	95
4.28b(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara kumpulan Etnik Untuk Halangan Motivasi	96
4.29	Perbandingan antara Dimensi Demografi Untuk Halangan Infrastruktur	96
4.30a	Perbandingan antara Dimensi Demografi Untuk Halangan Kemahiran Pra Syarat	97
4.30b(i)	Min Kumpulan umur Untuk Halangan Kemahiran Pra Syarat	98
4.30b(ii)	Ujian Pos Hoc Turkey HSD antara Kumpulan Umur Untuk Halangan Kemahiran Pra Syarat	98

SENARAI RAJAH

	Muka surat
1.1 Kerangka Teori	24
1.2 Kerangka Kajian	25
4.1 Nombor Komponen	82

SENARAI SINGKATAN

APEX	Accelerated Programme For Excellence
ASTD	American Society for Training and Development
GPA	Grade Point Average
ICT	Information and Communication Technology
IDEA	Interactive Distance Education Applications
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IT	Information Technology
ITM	Information Technology
ITTAR	Institut Teknologi Tun Abdul Razak
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis Dan Kreatif
LAN	Local-area Network
LMS	Learning Management System
OU	Open University
OUM	Open University Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
PPKT	Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi
PPPJJ	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
PTJ	Pusat Tanggungjawab
RPJJ	Rancangan Pengajian Jarak Jauh
SALC	Science Application International Corperation
SDSU	South Dakota State University
SPELT	Sistem Pengajaran Empat dan Lima Tahun
SSO	Single Sign On
SPP	Sistem Pengurusan Pembelajaran
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Culture Organization
UPM	Universiti Putra Malaysia
USDLA	United State Distance Learning Association

USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WAN	Wide-area Network
WON	Wawasan Open University
WWW	World Wide Web

**FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG PENGLIBATAN PELAJAR
PENDIDIKAN JARAK JAUH DALAM PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti halangan-halangan yang mempengaruhi pelajar PJJ dalam penglibatan mereka di dalam pembelajaran atas talian di USM. Kajian ini juga mengkaji hubungan halangan-halangan ini dengan dimensi demografi iaitu etnik, umur, pekerjaan dan bidang pengajian. Sebanyak 614 orang pelajar yang mengikuti Program PJJ Kursus Intensif iaitu dari 21 November 2008 hingga 11 Disember 2008, Sidang Akademik 2008/2009 di USM telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dan analisis deskriptif, analisis faktor dan analisis inferens telah dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Terdapat enam halangan utama yang telah dikenal pasti dalam kajian ini iaitu halangan masa, halangan interaksi sosial, halangan teknikal, halangan motivasi, halangan infrastruktur dan halangan kemahiran pra syarat. Antara keenam-enam halangan ini, halangan masa mencatat min yang tertinggi, diikuti halangan interaksi sosial, halangan teknikal, halangan motivasi, halangan infrastruktur dan halangan kemahiran pra syarat.

Analisis seterusnya menunjukkan untuk halangan masa, wujud perbezaan min antara kumpulan etnik dan tidak terdapat perbezaan antara dimensi-dimensi demografi yang lain. Untuk halangan sosial interaksi pula, wujud perbezaan min antara kumpulan etnik dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dimensi-dimensi demografi yang lain. Sementara untuk halangan teknikal, wujud perbezaan min antara dimensi umur, pekerjaan dan bidang pengajian dan tidak wujud perbezaan

min antara etnik. Untuk halangan motivasi, wujud perbezaan min antara kumpulan etnik dan tidak terdapat perbezaan antara dimensi-dimensi demografi yang lain. Bagi halangan kemudahan infrastruktur pula, tidak terdapat perbezaan min antara dimensi-dimensi demografi. Akhir sekali, bagi halangan pra syarat, wujudnya perbezaan min dengan deminsi umur, dan tidak wujud perbezaan min dengan dimensi-dimensi demografi yang lain. Dapatan kajian memberi pengetahuan baru tentang faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar PPPJJ USM di dalam pembelajaran atas talian dan kaitannya dengan dimensi-dimensi demografi.

**BARRIERS TO THE INVOLVEMENT OF DISTANCE EDUCATION
STUDENTS
IN ONLINE LEARNING AT USM**

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the barriers that influence the students of School of Distance Education (SDE) in their involvement and participation with online learning at USM. This study also investigated the relationships between these barriers and the demographical dimensions which include the ethnicity group, age, employment and programme of studies. A total of 614 students who attended the Intensive Course Distance Learning Program, from 21 November 2008 to December 11, 2008, Academic Session 2008/2009 in USM were chosen as the respondents of this study. This study used questionnaires to obtain the required data and descriptive analysis, factorial analysis and inferential analysis were used to answer the research questions. There are six barriers which emerged from the analysis and these are time, social interaction, technical, motivational, infrastructure and prerequisite skills. Among these six barriers, the time recorded the highest mean, followed by social interaction, technical, motivational, infrastructural and prerequisite skills.

Subsequent analysis showed that for the time barrier, there exist a difference between the means of the ethnic group and there is no difference between the means of the other demographical dimensions.

For the social interaction barrier, there is a difference between the means of the ethnic group and there are no differences between the means of other demographical dimensions. For the technical barrier, there is a difference between the means of the age, occupation and program of studies but there are no a difference between the means of the ethnic group.

For the motivational barrier, there exist a difference between the means of the ethnic group and there is no difference between the means of other demographical dimensions. For the infrastructural barrier, there are no differences between the means of demographical dimensions.

Lastly, for the pre requisite barrier, there are differences between the means of the age factor and there are no differences between the means of other demographical dimensions. This research findings provides new knowledge and insights on the factors hindering the involvement and participation of SDE students in the online learning and their relationships with the demographical dimensions.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Pembelajaran atas talian dalam Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan pembelajaran yang menggunakan teknologi TMK terkini bagi meningkatkan mutu dan tahap pembelajaran. Pembelajaran ini merupakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau Internet) untuk menyampaikan kandungan, maklumat dan juga berinteraksi melaluinya. Internet, intranet, satelit, pita audio-video, interaktif CD-Rom adalah sebahagian dari media elektronik yang boleh digunakan sebagai penyampaian pembelajaran (Kaplan-Leiserson, 2000).

Pembelajaran atas talian ini dapat digunakan secara pantas tanpa mengira batasan ruang dan masa dan pelajar dapat mengakses bahan serta mempelajarinya mengikut keperluan sendiri dalam keadaan tidak formal (Mantyla dan Woods, 2001). Pembelajaran ini juga membolehkan pelajar mengakses maklumat dan informasi, dan berkomunikasi melalui pelbagai alatan komunikasi seperti forum dalam talian, e-mail, video konferens, *chatting* dan lain-lain (McVay Lynch, 2002). Selain itu,

pembelajaran atas talian bersifat kos efektif di mana banyak bahan yang terdapat di pelbagai laman web mampu diakses oleh guru dan pelajar tanpa melibat kos yang tinggi. Malah sumber pendidikan percuma seperti Sumber Pendidikan Terbuka (Open Educational Resources) banyak mendatangkan keuntungan kepada pelajar (Fakhrul, 2002).

Menurut ahli psikologi, demografi pelajar seperti kesediaan untuk belajar, tahap pengalaman menggunakan komputer, kepunyaan pemilikan komputer, akses kepada Internet, motivasi, aspek persekitaran dan sebagainya akan turut mempengaruhi penggunaan pembelajaran atas talian (Ee, 1994). Dalam masa yang sama, terdapat juga halangan-halangan terhadap penglibatan dan penyertaan pelajar dalam pembelajaran atas talian. Halangan-halangan dalam pembelajaran atas talian ini termasuk halangan personaliti, halangan situasi, halangan gaya pembelajaran, halangan arahan, halangan teknologi dan halangan organisasi (Schilke, 2001).

Kajian ini mengkaji apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar PJJ dalam melibatkan diri mereka dalam pembelajaran atas talian dan hubungan antara halangan-halangan ini dengan aspek demografi iaitu umur, etnik, jenis pekerjaan dan juga bidang pengajian.

Di samping sumbangan daripada perspektif teori, dapatan daripada kajian ini dijangka dapat membantu institusi dalam mengenal pasti aspek-aspek halangan yang menghalang penglibatan pelajar dalam pembelajaran atas talian dan seterusnya mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasinya. Intervensi daripada institusi adalah penting untuk menentukan bahawa semua pelajar dapat manfaat sama rata

daripada pembelajaran atas talian dan tidak ada pelajar yang tercicir disebabkan oleh faktor-faktor yang dikenal pasti dan aspek-aspek demografi mereka.

1.1 Pendidikan Jarak Jauh

Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) adalah satu kaedah pengajaran yang tidak memerlukan pelajar berada setempat dengan pengajar. Pelbagai terminologi digunakan merujuk kepada PJJ seperti pembelajaran secara koresponden, pembelajaran di rumah (home study), pembelajaran bebas (independent study), pembelajaran luar kampus (external study), pengajaran jarak jauh (distance teaching) dan pendidikan jarak jauh (distance learning) (Keegan, 1980). Bates (dicatat dalam UNESCO, 1998) menyatakan bahawa PJJ adalah satu kaedah pembelajaran yang anjal di mana pelajar yang berada berasingan dari pensyarah dan institusi pendidikan dapat mengikut pelajaran mereka melalui bahan pembelajaran mengikut masa yang sesuai dengan mereka dan di tempat yang sesuai dengan mereka samada di rumah atau di pejabat, tanpa memerlukan pertemuan bersemuka dengan pensyarah. Keegan (1980), Baath (1981), Hassan (1994) serta Yusup dan Sharifah Alwiah (1999) telah membincang dengan mendalam tentang definisi PJJ mengulasnya dari definisi-definisi yang diberikan oleh beberapa pakar PJJ.

Keegan (1980) telah menekan aspek interaksi yang perlu diwujudkan dalam sistem PJJ dalam teori beliau:

“Distance learning system must artificially recreate the teaching-learning interaction and re-integrate it back into the instructional process.”

(Keegan, 1980:44-54)

Teori ini menjadi asas kepada Model Pendidikan Jarak Jauh yang memberikan peluang pengalaman sama seperti dalam kaedah tradisional iaitu pengajaran secara bersemuka melalui interaksi dua hala secara digital. Sementara Model Norwegian pula menggabungkan pengajaran jarak jauh dengan pengajaran secara bersemuka dalam sistem mereka (Sherry, 1996).

Dalam konteks PJJ, pembelajaran sendiri membawa maksud pelajar belajar secara bersendirian, tidak bertatap muka dan terpisah atau berada jauh dari pensyarah dan proses pembelajaran dikawal oleh pelajar sendiri. Kesimpulannya pelajar PJJ belajar di atas kemahuannya sendiri dan bebas menentukan apa yang ingin dipelajari, tempat mereka belajar, bila dan bagaimana untuk belajar. Persatuan Pembelajaran Jarak Jauh Amerika Syarikat (USDLA) pula mendefinisikan PJJ sebagai proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui maklumat dan pengajaran menggunakan kesemua bentuk teknologi (Mohd Noor Salleh, 2000).

Smith (1995) menyatakan PJJ ialah pendidikan yang disampaikan melalui media cetak dan media elektronik. Proses P&P PJJ melibatkan pemisahan antara pendidik dengan pelajar. Institut yang menawarkan program PJJ menggunakan pelbagai bentuk komunikasi dua hala melalui media elektronik. Dalam konteks pembelajaran, PJJ menekankan pembelajaran sendiri iaitu 'self-directed learning' di mana pelajar belajar sendiri, dan hanya bersua muka dengan pendidik sebanyak satu atau dua kali dalam satu semester manakala hampir keseluruhan proses pembelajarannya dikawal oleh pelajar itu sendiri (Md. Noor Salleh, 1997). Dengan ini, pelajar diberi kebebasan untuk memilih dan menentukan *apa yang perlu dipelajari, di mana untuk belajar, bila serta bagaimana untuk belajar*. Dalam masa yang sama, PJJ

masih menekankan pendidikan formal walaupun kumpulan pelajar PJJ terpisah dari segi geografi, manakala sistem interaktif telekomunikasi memainkan peranan penting dalam menghubungkan pelajar dengan sumber dan pengajar (Simonson et al, 2000).

Mengikut Moore dan Kearsely (1996), istilah PJJ didefinisikan sebagai proses pembelajaran terancang yang berlaku secara tidak bersemuka yang memerlukan pendekatan khusus dalam teknik reka bentuk kursus dan pengajaran, kaedah komunikasi dan susunan pentadbiran. Pada pandangan Moore dan Kearsely (1996), sistem pembelajaran PJJ adalah terancang dan terpisah antara pensyarah dan pelajar.

Pada prinsipnya, kaedah PJJ mendokong konsep pemisahan antara pensyarah dan pelajar. Dengan itu pengajaran dan pembelajaran berlangsung melalui bahan-bahan pembelajaran sendiri dalam pelbagai bentuk media. Dalam konteks ini, pembelajaran sendiri membawa maksud bahawa pelajar belajar bersendirian, tidak bertemu muka selalu dengan pensyarah dan juga rakan yang lain. Pelajar PJJ bebas mempelajari sesuatu subjek mengikut selera ataupun kaedah masing-masing. Menurut Rozhan (1994) terdapat dua ciri utama yang amat penting dalam pelaksanaan PJJ iaitu pertama segala pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara formal dapat dilaksanakan dan diseliatkan secara jarak jauh iaitu dalam keadaan pelajar terpisah daripada pensyarah. Kedua ialah tanggungjawab pembelajaran telah dipindahkan kepada pelajar itu sendiri. Dengan secara sendirian, pelajar akan belajar dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran bagi menambah dan memperolehi ilmu serta kemahiran yang dicari.

Dari definisi-definisi yang telah diberikan oleh pelbagai pihak, satu rumusan terhadap unsur-unsur penting dalam definisi PJJ telah dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) hampir keseluruhan masa proses pengajaran yang berlaku, pelajar dan pensyarah adalah dalam keadaan terpisah;
- (ii) penggunaan media pendidikan untuk menyatukan dengan komunikasi dua hala antara pengajar, tutor atau agensi pendidikan dan pelajar;
- (iii) perancangan oleh organisasi pendidikan yang mengendalikan pendidikan jarak jauh bagi menyediakan struktur pengajaran yang berkesan;
- (iv) kemungkinan terdapat sesi seminar atau perjumpaan yang terhad antara pengajar dan pelajar;
- (v) penggunaan media elektronik;
- (vi) penggunaan media komunikasi dan sumber yang ada dan diintegrasikan dengan teknik pengajaran yang kukuh dan berkesan;
- (vii) boleh menampung bilangan pelajar yang tidak terhad.

PJJ merupakan peluang kedua bagi mereka yang layak menerima akedemik tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi disebabkan oleh sebab-sebab tertentu (Muhammad Sulaiman, 1997). Program PJJ ini ia dapat memberi peluang kepada mereka yang bekerja untuk meningkatkan kelayakan, kemahiran dan pengetahuan. Keperluan ini dapat memastikan perkembangan ilmu yang sihat demi pertumbuhan ekonomi, sosial dan politik yang pesat (Mohd, 2000). PJJ penting kerana program ini akan membolehkan lebih ramai lagi rakyat yang berpengetahuan dan berilmu dihasilkan.

Di kebanyakan negara maju seperti Amerika dan United Kingdom, kebanyakan institusi PJJ menggunakan pelbagai media seperti radio, televisyen, video, komputer dan satelit untuk menyampaikan maklumat dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pengajaran, pembelajaran dan prestasi pelajar. Segala peralatan untuk berkomunikasi seperti telefon, faksimili dan E-mail digunakan secara meluas. Setiap media penyampaian maklumat ini memberi kesan yang berbeza kepada proses pembelajaran pelajar.

1.1.1 PENDIDIKAN JARAH JAUH DI MALAYSIA

Di Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan pusat pengajian tinggi yang pertama melaksanakan program PJJ semenjak hampir 30 tahun yang lalu. Pencapaian dan kejayaannya amatlah membanggakan. Menurut Mohd Noor Salleh (2000), pada tahun 1990 Institut Teknologi Mara (ITM) pula telah menawarkan kursus-kursus peringkat diploma dan juga merupakan satu lagi pusat pengajian tinggi yang mempunyai tanggungjawab untuk mendidik rakyat Malaysia lebih-lebih lagi golongan bumiputera menjadi profesional yang berkaliber, berdikari dan berilmu dan dapat membantu dalam pembangunan sosio ekonomi negara.

Begitu jugalah dengan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR), telah bekerjasama dengan Science Application International Corporation (SAIC) Amerika Syarikat untuk mula menawarkan kursus-kursus secara 'konsep universiti maya', (Mohd Noor Salleh, 2000). Kesemua institut pengajian tinggi ini menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah dan diploma melalui program PJJ.

Selain daripada itu terdapat juga universiti yang turut melaksanakan program PJJ seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Wawasan Open Univeristy (WOU), e-Asia University dan Madinah University.

1.1.2 PENDIDIKAN JARAK JAUH DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pada tahun 1969, Universiti Sains Malaysia (USM) telah ditubuhkan dan pada tahun 1971, USM memulakan rancangan pengajian Pendidikan Jarak Jauh melalui Unit Luar Kampus. Seterusnya pada tahun 1978, unit ini berkembang menjadi Unit Pengajian Luar Kampus. Pada tahun 1982, sekali lagi unit ini telah dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Luar Kampus. Bilangan pelajar dan jenis kursus yang ditawarkan semakin bertambah. Pada tahun 1973, hanya kursus Fizik dan Matematik telah ditawarkan diikuti dengan kursus Sains Pemulihan pada tahun 1978 (Md. Noor, 1993). Sesuai dengan perkembangan semasa, nama Pusat Pengajian Luar Kampus dipertingkatkan kepada Pusat Pendidikan Jarak Jauh pada tahun 1994 dan akhir sekali kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dalam tahun 1998 (Jadual 1.1).

Jadual 1.1: Perubahan Status PPPJJ USM (Mohd Salleh Noor, 1999)

Tahun	Status
1971	Unit Luar Kampus (ULK)
1978	Unit Pengajian Luar Kampus (UPLK)
1983	Pusat Pengajian Luar Kampus (PPLK)
1994	Pusat Pendidikan Jarak Jauh (PPJJ)
1998	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)

Guru-guru merupakan golongan yang paling ramai mengikuti program PJJ (Qasim & Abd. Rasit, 1992). Kursus-kursus yang ditawarkan adalah setara dengan

kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. PJJ Universiti Sains Malaysia terus berkembang terutama dari segi perkembangan kurikulum. Pada sidang akademik 1995/96, sejumlah 178 kursus telah ditawarkan (Qasim, 1995). Pada tahun 1994, kursus kejuruteraan peringkat ijazah sarjana muda telah ditawarkan dan diikuti pula oleh kursus ijazah sarjana muda pendidikan pada tahun 1995 dan kursus Sarjana Muda Pengurusan pada tahun 1997. Jangka masa pengajiannya ialah paling minimum 4 tahun dan maksimum 12 tahun. Pada masa ini, pelajar yang menamatkan pengajian di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh akan dianugerahkan salah satu Ijazah Sarjana Muda seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian)
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian).

Sejak mula diperkenalkan hingga sekarang, Rancangan Pengajian Jarak Jauh telah banyak mengalami perubahan. Pada tahun 1970 hingga 1991, sistem pengajian 4+1 dan 5+1 diamalkan. Sistem ini memerlukan para pelajar mengikuti pengajian secara jarak jauh selama 4 atau lima tahun dan kemudiannya mengikuti pengajian sepenuh masa selama setahun. Mulai sidang akademik 1992/93 (Sains) dan sidang akademik 1993/94 (Sastera), sistem 5+0 telah diperkenalkan di mana pelajar tidak perlu mengikuti pengajian sepenuh masa dalam kampus. Mulai sidang akademik 1996/97, sistem pengajian empat dan lima tahun (SPELT) diperkenalkan. Sistem pengajian empat tahun Milinieum telah diperkenalkan mulai sidang 2000/2001.

Objektif Rancangan Pengajian Jarak Jauh USM adalah untuk membolehkan pelajar dewasa yang tidak mendapat peluang mengikuti pendidikan tinggi dapat mengikuti hingga memperoleh kelayakan ijazah dan mengurangkan jurang peluang mendapatkan pendidikan tinggi antara kaum di negara ini. Selain itu, ia dapat membawa pendidikan tinggi ke kawasan yang kurang maju dari segi ekonomi, mempertingkatkan lagi daya pengeluaran pekerja-pekerja terlatih serta memajukan daya pengeluaran pekerja yang telah mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kebolehan mereka. Ia juga dapat menawarkan satu program yang lebih menarik kepada kalangan ahli masyarakat yang sedang bekerja dengan mengetengahkan program yang mempunyai daya saing kepada program-program jarak jauh yang ditawarkan di tempat lain. Di samping itu, ia dapat mencerminkan kemajuan teknologi dan kemajuan lain yang berkait dengan P&P di kalangan pelajar PPPJJ, USM.

1.1.3 PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Pada amnya, pembelajaran atas talian bermaksud pembelajaran atas rangkaian. Pembelajaran atas talian mempunyai banyak terminologi yang berbeza. Terminologi yang paling popular digunakan ialah e-pembelajaran, pembelajaran dan instruksi berdasarkan Web (Khan, 1998; Abbey, 2000), pembelajaran rangkaian (Hanghey dan Anderson, 1998) dan pembelajaran atas talian (Harasim et al 1997).

Pembelajaran atas talian telah menjadi satu pendekatan baru dalam pendidikan tinggi. Ia merupakan suatu aktiviti dan aspek yang penting di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Aktiviti-aktiviti Pembelajaran Dalam Talian itu termasuk penggunaan

www, email, forum board, persidangan berasaskan komputer, audio-grafik, telesidang video, rangkaian sosial dan web meeting. Pembelajaran atas talian menekankan penggunaan jaringan komputer sama ada Internet global atau rangkaian kawasan tempatan.

Pengajaran boleh disampaikan secara '*sinkronos*' (pada waktu yang sama) ataupun '*asinkronos*' (pada waktu yang berbeza). Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui media ini mempunyai teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Ia juga harus menyediakan kemudahan untuk perbincangan dalam kumpulan dan bantuan fasilitasi terhadap isi pelajaran (Learnframe, 2001).

Pembelajaran atas talian mempunyai keberkesanan dan impak yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah dikemukakan oleh beberapa penyelidik seperti Bruce, Peyton & Batson, (1993); Burge & Collins, (1995); Harasim, (1989), (1993); Hiltz, (1994); Mason & Kaye, (1989); Waggoner, (1992). Terdapat kajian menyatakan bahawa penggunaan jaringan komputer dalam proses pembelajaran dan pengajaran mendatangkan pelbagai kesan yang positif. Jika dibandingkan dengan pendidikan tradisional; kebanyakan pelajar didapati berpuas hati tentang pembelajaran atas talian. Ini dapat dilihat melalui kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam GPA, taraf KBKK dan penyelesaian masalah yang lebih baik, dan semasa perbincangan, pelajar menunjukkan impak yang positif dari segi pembelajaran. Pensyarah dapat mengesan kemajuan pelajarinya dengan lebih mendalam dan kefahaman yang baik tentang cara-cara dan kaedah pelajarinya belajar. Jaringan komputer dapat membekalkan persekitaran pembelajaran yang autentik (sebenar) dengan stimulasi yang sesuai.

Menurut Jegede (2001), pembelajaran atas talian atau kursus atas talian, belum boleh dapat didefinisikan dengan tepat dan organisasi masing-masing memberi definisi pembelajaran atas talian yang berbeza. Pembelajaran atas talian boleh dirujuk sebagai “instruksi atas talian” dan ini bermaksud peralatan P&P melalui komputer, pembelajaran melalui internet, pembelajaran yang berasaskan sumber (resource-based learning) yang disampaikan secara elektronik dan pembelajaran pula berpusat bilik darjah maya dengan menggunakan persidangan asinkronos dan sinkronos (Jegede, 2001). Jegede (2001) seterusnya mencadangkan definisi pembelajaran atas talian sebagai kursus atau unit pembelajaran yang disampaikan kepada pelajar-pelajar melalui situasi berbantuan komputer, khasnya World Wide Web (www). Komponen ini termasuk pendaftaran kursus dan matlumat, bahan, membaca, tutorial, papan bulletin persidangan, “tutor-marked assignment”, peperiksaan dan penilaian untuk setiap kursus.

Bagaimanapun, pembelajaran atas talian juga boleh didefinisikan berasaskan ‘www’. Relan dan Gillan’s (1997) mendefinisikan *www* sebagai:

- (i) sumber untuk mengidentitikan, mentaksirkan dan mengitegrasikan pelbagai matlumat;
- (ii) sebagai perantaraan bagi kolaborasi, konversasi, perbincangan, penukaran dan idea-idea berkomunikasi;
- (iii) sebagai platform antarabangsa untuk mengekspresikan dan sumbangan kepada maksud-maksud dan pengertian kognitif;
- (iv) sebagai medium untuk peserta dalam pengalaman rangsangan, rakan perantis dan teman kognitif.

Kajian juga mengenal pasti beberapa masalah yang utama tentang pengajaran dan pembelajaran terhadap pembelajaran atas talian antaranya ialah halangan dalam menggunakan perisian dan perkakasan komputer, permintaan masa yang lebih kepada pensyarah untuk menyediakan bahan pembelajaran, pelajar memerlukan masa yang banyak untuk belajar dan berkomunikasi, kemahiran berkomunikasi adalah terhad bagi sesetengah pelajar, masa yang kurang bagi pensyarah untuk membalas pertanyaan pelajar, dan pelajar terkandas dalam kursus (Garland, 1993).

Walaupun pembelajaran atas talian didapati efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi ia masih mempunyai persoalan dan isu-isu yang perlu diselidiki. Antaranya termasuk strategi yang lebih berkesan untuk digunakan dalam proses P&P, bagaimanakah cara-cara seseorang individu dapat berinteraksi dalam sistem persidangan video, kemampuan dan ciri-ciri pelajar yang berbeza, cara-cara yang paling berkesan untuk mengorganisasikan kursus dalam talian, dan teknik-teknik untuk menguruskan kursus dalam talian yang berkesan (Berge, 1997).

Pembelajaran atas talian adalah pembelajaran di mana pelajar bebas menentukan masa, tempat dan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan gaya hidup dan kehendak mereka. Ia berbeza dengan pembelajaran konvensional yang memerlukan pelajar mengikuti sesuatu jadual pembelajaran. Pembelajaran atas talian juga menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan dengan menggabungkan pelbagai kaedah pembelajaran termasuk nota kursus, bahan rujukan tambahan, sokongan pensyarah dan tutor, interaksi antara pelajar serta perbincangan secara umum, berkumpulan atau peribadi melalui komputer dan telesidang. Stubbs dan Burnham (1990) mendefinisikan pembelajaran atas talian sebagai:

“... Any learning situation where methods and techniques enabled by electronic device combine with instructors and learners who are physically separated and who use methods and techniques enabled by the electronic device to transmit instructional messages over the distance between them is an electronic distance education system...”(pp.27).

Matlamat pembelajaran atas talian ialah menghasilkan pelajar yang celik IT dan dapat memanfaatkan pengetahuan tersebut di dalam pembelajaran dan kehidupan abad ke-21. Pelajar berupaya untuk menangani cabaran serta peluang pada hari ini yang banyak menjurus ke arah penggunaan IT. Di samping itu, implementasi pembelajaran atas talian ini juga dapat meningkatkan tahap keberkesanan P&P melalui penggunaan teknologi pendidikan yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

1.1.4 PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DI PPPJJ, USM

PPPJJ USM telah mengorak langkah ke arah penggunaan TMK dalam aktiviti P&P dengan memperkenalkan portal pembelajaran sebagai salah satu daripada sistem sokongan untuk pelajar PJJ. Portal ini telah dilancarkan pada 1 Disember 2002 sebagai pelancaran rintis dan seterusnya penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak.

Perlancaran portal ini telah dapat mempertingkatkan mutu penyampaian dan aktiviti pembelajaran yang disediakan. Para pelajar di Sabah dan Sarawak, merasakan ini suatu hala cara komunikasi yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya memandangkan

mereka tidak berkesempatan untuk menyertai sesi telesidang video sebelum ini. Para pensyarah juga berusaha untuk memuatkan pelbagai aktiviti pengajaran bagi memperkayakan lagi interaksi serta membantu pembelajaran untuk semua pelajar PPPJJ.

Seterusnya pada tahun 2003 PPPJJ membangunkan sendiri Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) untuk kegunaan pelajar. Pembangunan LMS tersebut yang dipanggil '*Interactive Distance Education Application*' (IDeA) dibangunkan melalui proses 'home grown'. Dalam usaha untuk memperbaiki lagi LMS bagi PPPJJ dan juga semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di USM, Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) pada tahun 2004 telah menjalankan kajian perbandingan atau '*benchmarking*' pelbagai LMS sumber terbuka dan juga LMS berlesen. Kajian mendapati bahawa LMS terbuka '*Moodle*' mempunyai ciri-ciri terbaik dan menepati keperluan PPPJJ dan juga PTJ-PTJ lain di USM untuk tujuan pembelajaran atas talian.

Sehubungan itu, PPKT telah menyarankan PPPJJ dan semua PTJ menggunakan LMS '*Moodle*' sebagai platform pembelajaran bermula pada tahun 2004. Seterusnya, PPPJJ telah menukar sistem IDeA kepada LMS '*Moodle*' untuk pembelajaran atas talian pelajar mereka. *Moodle* telah dipilih sebagai platform bagi menguruskan sistem pembelajaran atas talian kerana pelbagai "*functionalities*" yang berguna seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2. *Functionalities* dan Aktiviti Moodle LMS

<i>“Functionalities tools”</i>	Aktiviti
<i>Insert a label</i>	<i>Assignment</i>
<i>Compose a text page</i>	<i>Chat</i>
<i>Link to a file or website</i>	<i>Forum</i>
<i>Display a directory</i>	<i>Choice</i>
<i>Add an LMS content package</i>	<i>Forum</i>
	<i>Glossary</i>
	<i>Journal</i>
	<i>LAMS</i>
	<i>Lessons</i>
	<i>Questionnaire</i>
	<i>Quiz</i>
	<i>SCORM/AICC</i>
	<i>Survey</i>
	<i>Wiki</i>

Pelaksanaan pembelajaran atas talian secara sistematik dan berstruktur mula dilaksanakan pada sidang akademik 2009/2010 melibatkan semua PTJ di kampus induk dan juga di Kampus Cawangan Kejuruteraan.

Bagi melaksanakannya, LMS ‘*Moodle*’ sepusat yang digunakan oleh semua PTJ di kampus induk dan juga PTJ di kampus kejuruteraan dikenali sebagai e-Learn@USM. E-Learn@USM mempunyai dua peranan asas untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- i. Menyediakan wadah bagi aktiviti pembelajaran secara atas talian bagi masyarakat kampus.
- ii. Pusat sumber bagi perisian (*resource tools*) pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan LMS '*Moodle*' sepusat ini melibatkan pengintegrasian pangkalan data pelajar, pensyarah dan kursus di dalam LMS sepusat. Ini membolehkan '*single sign on*' (SSO) untuk pensyarah dan pelajar untuk e-Learn@USM dan semua sistem lain yang ada di USM.

Dalam konteks universiti APEX, USM berusaha untuk melakukan tranformasi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran. Lebih banyak kemudahan TMK digunakan dalam pembelajaran termasuk pembelajaran atas talian dan pada masa yang sama mengurangkan pembelajaran berpusat pensyarah serta mengalakkan lebih banyak lagi pembelajaran berpusat pelajar.

USM memberikan penekanan yang serius terhadap infrastruktur TMK di kampus induk dan juga di kampus-kampus cawangan. USM telah menggunakan *bandwidth* berkelajuan 2 x 155 Mbps di kampus induk dan 1 x 45 Mbps di kedua-dua kampus cawangan. *Bandwith* antara kampus pula adalah pada 34 Mbps. USM juga menyediakan liputan WiFi yang meluas di kampus induk dengan kadar liputan merangkumi hampir 90% (Hanafi Atan & Abd Karim Alias, 2010).

1.1.5 Halangan-Halangan Terhadap Pembelajaran Atas Talian

Terdapat banyak penyelidik yang mengkaji tentang tahap penglibatan pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian dan kini penyelidikan tertumpu kepada persoalan terhadap aspek mengapa pelajar tidak menyertai aktiviti-aktiviti pembelajaran atas talian seperti yang diharapkan. Cross (1981) menekankan kepentingan untuk memahami mengapa pelajar-pelajar PJJ tidak menyertai aktiviti-aktiviti pembelajaran PJJ dan apakah halangan-halangan yang terlibat. Pemahaman tentang halangan-halangan dalam pembelajaran atas talian dapat memastikan pengkalan penglibatan pelajar dalam pembelajaran atas talian pada masa-masa yang akan datang. Oleh itu, hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak pentadbiran PPPJJ, USM kerana melalui intervensi yang bersesuaian maka penglibatan pelajar dalam pembelajaran atas talian dapat dipertingkatkan dan seterusnya PPPJJ boleh memperolehi pemulangan yang positif dalam pelaburan ke atas pembelajaran atas talian.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji faktor halangan yang telah dikemukakan oleh Schilke (2001) iaitu situasi, institusi, disposisi dan teknikal. Faktor ini jika diambil tindakan yang bersesuaian akan membawa kepada persekitaran pembelajaran atas talian yang efektif (Schilke, 2001). Penyelidik juga akan menghuraikan faktor-faktor halangan yang dikemukakan oleh Berge (2001) iaitu demografi, persepsi pelajar, teknikal, sosial interaksi, motivasi, infrastruktur, prasyarat dan masa. Seterusnya pengkaji akan membuat hubungan antara faktor demografi (Berge, 2001) dengan faktor halangan (Schilke, 2001) dan mengkaji hubungkait antara mereka.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Universiti Sains Malaysia merupakan sebuah institusi pengajian tinggi tempatan yang mula melaksanakan pembelajaran atas talian dengan menggunakan LMS, pada awal tahun 2003. Beberapa kajian yang menyelidik tahap penerima pelajar PJJ terhadap pembelajaran atas talian serta faktornya telah menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang menghadapi masalah semasa berhadapan dengan pembelajaran atas talian termasuk kekurangan kemahiran pembelajaran atas talian walaupun pandangan mereka terhadap pembelajaran atas talian agak positif (Wong (2006), Tan (2006), Mazlan (2007), Janarthini (2007)).

Menurut Urdan & Weggen (2000), walaupun usaha giat dalam memperkembangkan pembelajaran atas talian dengan penglibatan yang menyeluruh di kalangan pelajar, namun hanya sebahagian kecil daripada pelajar yang bermanfaat dan memperolehi kesan yang positif, manakala yang selebihnya mempunyai halangan dan kekangan tertentu dan tidak memperolehi manfaat sepenuhnya.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah sangat perlu untuk mengetahui faktor-faktor yang menghalang kepada penggunaan dan penglibatan pembelajaran atas talian, jenis-jenis halangan ini dan hubungan antara demografi dengan faktor halangan dalam kalangan pelajar PPPJJ, USM. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan responden yang terdiri daripada pelajar PPPJJ, USM pada sidang akademik 2008/2009.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif penyelidikan ini ialah:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada pelajar PJJ dalam penglibatan mereka dalam pembelajaran atas talian.
2. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan masa.
3. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan sosial.
4. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan teknikal.
5. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan motivasi.
6. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan kemudahan infrastruktur.
7. Menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi pelajar (umur, etnik, pekerjaan, dan bidang pengajian) dengan halangan kemahiran prasyarat.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian dalam penyelidikan ini ialah:

- i Apakah faktor-faktor yang menghalang pelajar-pelajar PJJ dalam penglibatan mereka dalam pembelajaran atas talian?
- ii Untuk Halangan Masa, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?
- iii Untuk Halangan Interaksi Sosial, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?
- iv Merujuk kepada Halangan Teknikal, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?
- v Merujuk kepada Halangan Motivasi, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?

- vi Merujuk kepada Halangan Infrastruktur, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?

- vii Merujuk kepada Halangan Kemahiran Pra Syarat, terdapatkah perbezaan yang signifikan antara dimensi demografi (umur, etnik, pekerjaan dan bidang pengajian) yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN


Penyelidik memilih tajuk kajian ini kerana yakin bahawa di samping sumbangan kepada pengetahuan baru terhadap faktor halangan pembelajaran atas talian, dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk memanaipulasi PPPJJ di USM dan juga institusi lain lebih lagi di Malaysia yang menggunakan pembelajaran atas talian kepada pelajar PJJ mereka.

Melalui kajian ini, faktor-faktor yang menghalang pelajar PJJ dalam pembelajaran atas talian dapat diketahui. Data-data yang diperolehi dari kajian ini boleh digunakan oleh pihak PPPJJ untuk merancang strategi dan rancangan yang terperinci untuk membaiki dan menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar PJJ dalam penglibatan mereka dalam pembelajaran atas talian. Pihak Universiti juga dapat memberi perhatian yang lebih terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian di

kalangan pelajar PJJ dan tindakan susulan boleh diambil seperti membantu PPPJJ USM untuk membuat perancangan dan strategi untuk memperlengkapkan pensyarah dengan kemahiran-kemahiran yang perlu dalam menghadapi era globalisasi di mana bidang teknik dan vokasional merupakan teras pembangunan masyarakat berilmu.

Kajian ini penting untuk membantu pensyarah merancang strategi yang terbaik untuk menerapkan penggunaan pembelajaran atas talian siswazah dalam proses pembelajaran mereka. Pensyarah mampu memanfaatkan kemajuan pesat yang berlaku di dalam teknologi perkomputeran kini, bagi melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka dengan lebih licin dan berkesan, dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan pembelajaran atas talian yang telah dimajukan.

1.6 KERANGKA TEORI



Rajah 1.1: Kerangka Teori

Kajian ini secara amnya mengkaji faktor-faktor manakah yang akan memberi halangan yang utama kepada pelajar terhadap pembelajaran atas talian. Faktor-faktor yang dipilih untuk diuji adalah berdasarkan Model Muilenburg, & Berge, (2005). Faktor-faktor ini termasuk masa, interaksi sosial, teknikal, motivasi, kemudahan infrastruktur dan kemahiran prasyarat. Empat Dimensi Demografi yang akan dikaji untuk menentukan wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor